

Newspaper	Berita Harian
Date	29/4/2014

Terpulang kepada kerajaan terima TPPA

BH - 29/4/2014

Kuching: Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak sepatutnya ditandatangani oleh Malaysia kerana perjanjian itu dilihat bersifat berat sebelah dan lebih menguntungkan Amerika Syarikat (AS).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ekonomi negara dijangka tidak mampu berkembang kukuh seperti dikecapi hari ini sekiranya kerajaan memilih untuk menandatangani perjanjian itu.

Beliau yang beberapa kali berdepan krisis ekonomi sepanjang 22 tahun menerajui pentadbiran negara turut menegaskan Malaysia mempunyai keupayaan membentuk dan menjana pertumbuhan ekonominya sendiri tanpa bergantung kepada TPPA.

"Isu TPPA ini adalah lebih baik tidak dirunding lebih lanjut (dengan AS), namun terpulang kepada kerajaan kita sama ada mahu menandatangani perjanjian itu atau sebaliknya. TPPA tidak ada gunanya... ia tetap merugikan kita, walaupun negara mungkin mendapat sedikit tambahan pasaran.

"Namun, perlu disedari banyak perkara dalam bagi melindungi perniagaan rakyat kita terpaksa dibuka untuk mereka (AS). Mereka kaya dan memiliki teknologi lebih baik... perkara itu boleh me-



Dr Mahathir menerima anugerah *'Distinction In Landscape Architecture'* daripada Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia, Mohd Fardrillah Mohd Taib, di Kuching, semalam.

[FOTO NADIM BOKHARI/BH]

ngatasi (menjejas) dasar kita untuk membantu rakyat," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Beliau sebelum itu menyampaikan ucapan sempena Kongres Asia Pasifik Pertubuhan Antarabangsa Arkitek Landskap 2014 (IFLA2014), di sini.

Jejas eksport minyak sawit
Dr Mahathir juga menyatakan kebimbangannya terhadap kemungkinan eksport minyak sawit negara terjejas sekiranya perjanjian itu ditandatangani

oleh Malaysia.

"Sebagai contoh, negara apabila mahu eksport minyak sawit, kita akan membuat penapisan sendiri. Bagaimanapun, apabila perjanjian itu ditandatangani, AS juga berhak membuat penapisan dan kita tidak memperoleh sebarang nilai tambah daripada perjanjian itu," katanya.

Ditanya mengenai maklum balas Presiden AS, Barack Obama yang menafikan kerajaannya membuli Malaysia dalam rundingan TPPA yang sedang dijalankan, Dr Mahathir seca-

ra sinis meminta semua pihak, terutama mereka yang terabit dalam rundingan itu sama-sama melihat apa akan berlaku selepas ini.

"Kita tengok (apa lagi AS akan lakukan selepas ini). Apapun, AS jangan paksa kerana kita ada kepentingan dalam negara. Malaysia negara berbilang kaum dan kerajaan kena jaga hubungan baik antara kaum.

"Jadi, kalau AS mahu masuk paksa kita buat perkara itu dan ini, itu kita tidak boleh benarkan," katanya.